

SUMBANGAN DR ANUAR BIN HASIN DALAM PERKEMBANGAN TARANNUM DI MALAYSIA

CONTRIBUTION OF DR ANUAR BIN HASIN IN THE DEVELOPMENT OF TARANNUM IN MALAYSIA

Nurainul Mardiah Rashidi¹
Katarun Nada Mohd Latiff²
Nor Shakirah Hanim Ishak³
Syed Najihuddin Syed Hassan⁴

¹Faculty Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia,
(E-mail: nurainulmardiah2000@raudah.usim.edu.my)

² Faculty Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia,
(Email: latifnada28@raudah.usim.edu.my)

³Faculty Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia,
(E-mail: hanim_shakirah@raudah.usim.edu.my)

⁴Faculty Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia,
(E-mail:syednajihuddin@usim.edu.my)

Article history

Received date : 7-8-2023
Revised date : 8-8-2023
Accepted date : 25-9-2023
Published date : 15-10-2023

To cite this document:

Rashidi, N. M., Mohd Latiff, K. D., Hanim Ishak, N. S., & Syed Hassan, S N. (2023). Sumbangan Dr Anuar Bin Hasin Dalam Perkembangan Tarannum Di Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari (JOIRC)*, 6 (11), 191 - 201.

Abstrak: Seperti yang diketahui, ilmu Tarannum sangat terkenal dikalangan masyarakat di Malaysia, ia telah dipelopori oleh ramai orang daripada pelbagai lapisan masyarakat tidak kira pekerjaan, umur, dan jantina. Kajian ini adalah berkaitan dengan ketokohan dan sumbangan Dr. Anuar Bin Hasin dalam bidang tarannum kepada masyarakat di Malaysia. Ia juga merupakan salah satu ilmu yang berasaskan bacaan didalam Al-Quran dan saling berkait rapat dengan seni memperhaluskan dan memperelokkan suara. Namun, masih terdapat segelintir masyarakat yang masih memiliki pemahaman bahawa tarannum adalah ilmu yang tidak penting dan tidak perlu dipelajari, sedangkan ia adalah salah satu ilmu yang perlu dimiliki dan dikuasai oleh setiap individu muslim. Justeru, kajian ini akan mendedahkan secara mendalam tentang sumbangan beliau dalam bidang tarannum al-quran. Oleh yang demikian, penulis akan menfokuskan mengenai pemahaman istilah tarannum, latar belakang penglibatan Dr. Anuar Bin Hasin, manhaj dan sumbangannya dalam perkembangan tarannum di Malaysia. Di dalam kajian ini, penulis menggunakan kaedah temubual dan pemerhatian untuk mengumpulkan data-data penting bagi menyempurnakan kajian ini. Oleh itu, di akhir kajian ini, penulis mendapati bahawa Dr. Anuar Bin Hasin sangat berjasa dalam bidang tarannum dan memberi impak yang besar kepada masyarakat islam serta menjadi inspirasi kepada generasi muda untuk mengikuti jejak langkah beliau. Justeru itu, kajian ini akan memberi manfaat yang besar kepada pembaca untuk memperkembang dan memperluaskan ilmu Tarannum.

Kata Kunci: Dr Anuar Hasin, Tokoh, Sumbangan, Tarannum Al-Quran

Abstract: As is known, the knowledge of Tarannum is very famous among the community in Malaysia, it has been pioneered by many people from various walks of life regardless of occupation, age, and gender. This study is related to the prominence and contribution of Dr. Anuar Bin Hasin in the field of teaching to the community in Malaysia. It is also one of the sciences that is based on reading in the Al-Quran and is closely related to the art of refining and beautifying the voice. However, there are still a few people who still have the understanding that tarannum is a knowledge that is not important and does not need to be learned, whereas it is one of the knowledge that every individual Muslim needs to possess and master. Thus, this study will reveal in depth about his contribution in the field of al-Quran recitation. Therefore, the writer will focus on the understanding of the term tarannum, the background of the involvement of Dr. Anuar Bin Hasin, manhaj and his contribution in the development of tarannum in Malaysia. In this study, the author used interview and observation methods to gather important data to complete this study. Therefore, at the end of this study, the author found that Dr. Anuar Bin Hasin is very meritorious in the field of tarannum and has a great impact on the Islamic community and is an inspiration to the younger generation to follow in his footsteps. Therefore, this study will provide great benefits to readers to develop and expand the knowledge of Tarannum.

Keywords: Dr. Anuar Hasin, Figures, Contributions, Tarannum Al-Quran

Pendahuluan

Malaysia adalah negara yang terkenal dalam bidang tilawah Al Quran. Kebanyakan negara sangat menghormati dan mengagumi negara Malaysia kerana sumbangan dalam bidang ini. Hal ini kerana, Malaysia merupakan negara pertama di dunia yang menganjurkan majlis tilawah Al Quran di peringkat antarabangsa iaitu pada tahun 1961. Seperti yang kita ketahui, apabila kita sebut majlis tilawah Al Quran, sudah tentu yang berkait dengannya adalah ilmu tarannum yang digunakan dalam tilawah Al Quran. Tarannum adalah salah satu ilmu yang sangat penting dalam pembacaan Al Quran dan ia adalah ilmu melagukan dan mengalunkan ayat-ayat suci Al Quran dengan suara yang elok disamping memahami dan menghayati makna supaya dapat menambahkan kehusyukan kepada pembaca dan pendengar.

Ilmu tarannum sangat penting dan wajib dipelajari oleh segelintir masyarakat, akan tetapi ilmu asas tarannum juga perlu didedahkan kepada masyarakat lain kerana mempercantikkan suara ketika membaca Al Quran juga adalah sunnah Rasulullah S.A.W dan sangat digalakkan untuk kita. Walaubagaimanapun, ramai generasi muda kini mempunyai pemahaman yang lemah tentang ilmu tarannum bahkan ada juga yang tidak tahu langsung tentang ilmu ini. Seperti yang kita lihat pada hari ini, ramai tokoh-tokoh yang menyumbang dalam pembelajaran dan perkembangan ilmu tarannum kepada masyarakat samada pengajaran secara bersempua mahupun secara atas talian seperti siaran langsung di televisyen, radio atau media sosial. Perkembangan ini terjadi supaya ilmu ini tidak pupus ditelan zaman. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mendedahkan dan memperkenalkan sumbangan Dr Anuar Hasin dalam bidang tarannum agar generasi muda mendapatkan manfaat daripadanya.

Biodata Dr Anuar Bin Hasin

Dr Anuar Bin Hasin atau lebih mesra digelar Dr Anuar dilahirkan pada 02 september 1984 di Pulau Pinang. Beliau merupakan anak kelima daripada enam adik-beradik. Ayah beliau, Hasin Ahmad adalah seorang nelayan manakala ibu beliau seorang suri rumah. Pada usia beliau 2 tahun keluarga Dr Anuar telah berpindah ke Sungai Baru, Kuala Krau, Perak. Beliau telah

mendirikan rumah tangga bersama isteri beliau Nur Hazwani Husna Binti Noor Azhar pada 22 September 2009 dan dikurniakan empat orang cahaya mata lelaki. Kini beliau menetap di Nilai, Negeri Sembilan. Beliau sekarang bekerja sebagai Pensyarah DS51 Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah di Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, bidang Kepakaran Tarannum Al Quran, Tajwid Al - Quran dan Qiraat.

Beliau mulai belajar al-Quran ketika berumur 7 tahun, manakala belajar tarannum bermula ketika berumur 11 tahun. Permulaan Dr Anuar dalam bidang Tarannum adalah minat beliau dengan seni azan bahkan (Yunus, 2013) Sejak itu, guru beliau dapat mengesan potensi dalam diri beliau dan menunjukkan cara bertarannum. Setelah beliau melangkah ke alam sekolah menengah, beliau bertambah minat dengan seni tarannum apabila beliau mendengar bacaan tilawah gurunya dalam majlis tarannum. Awalnya beliau berkecimpung dalam bidang tilawah Al Quran pada umur 11 tahun mewakili Sekolah Kebangsaan Sungai Baru ke Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Zon Kerian namun tidak berjaya buat pertama kali percubaan . Diperingkat sekolah menengah SMKA Slim River beliau ditempatkan di kelas khas kemahiran Al-Quran (KKQ) yang membentuk pelajar-pelajar yang berpotensi dalam bidang tilawah hafazan dan qiraat. Kemudian beliau menyambung pelajaran tarannum dengan guru beliau iaitu Haji Che Yahaya bin Daud di Bachok, Kelantan.

Pada tahun 2002, beliau telah menyambung pelajaran prajazah di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan pada tahun 2004 beliau berpindah ke jabatan siasah syariyyah kemudian graduasi pada tahun 2006. Beliau telah menamatkan pelajaran B.A Siasah Syariyyah dan Ph.D pengajian Quran dan Sunnah di Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Dr Anuar banyak menuntut ilmu tarannum daripada ramai guru tarannum antaranya ialah Ustaz Said bin Husnik (Sekolah Rendah), Ustazah Arbaayah binti Mohd Dani (SMKA Slim River), Ustaz Osman bin Ahmad, Ustaz Shamsul Arifin bin Saba @ Supian , Ustaz Hj. Che Yahaya bin Daud, Datuk Nik Jaafar bin Nik Ismail (talaqqi dan pernah berkursus dengannya), Ustaz Hj. Rahim bin Ahmad, Dato" Hj. Faizul bin Ghazali (pernah ¹talaqqi dan berkursus dengannya), Dato" Hj. Muhammad bin Hasri (pernah berkursus dengannya). Dr Anuar berkata, dia mempelajari ilmu taranum secara berterusan dan kerap mendapat bimbingan daripada gurunya Ustaz Che Yahya Daud yang turut menjadi pakar rujuk utamanya dalam bidang itu. "Saya mempelajari ilmu taranum melalui tiga fasa iaitu bermula daripada fasa pengenalan di sekolah rendah, fasa pertengahan di sekolah menengah dan fasa ketiga ketika di hujung pengajian peringkat menengah.

"Saya mengenali Ustaz Che Yahaya yang juga johan qari Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa 1999 dan sejak itu dia terus menjadi guru pembimbing di peringkat profesional. "Beliau menjadi pembimbing utama dan mengajar saya supaya sentiasa konsisten dengan mengekalkan latihan berterusan dan tidak hanya berlatih taranum ketika hendak memasuki pertandingan sahaja," katanya. Dr Anuar berkata, dia akan berlatih bacaan taranum tiga atau empat kali seminggu dan mengambil masa sekurang-kurangnya satu jam selepas solat Subuh sama ada melalui bacaan sendiri atau dilatih guru pembimbing. Katanya, dia juga tidak terlalu mengamalkan pantang larang dalam pemakanan dan makan seperti biasa. "Cuma menjelang hari pertandingan, saya kurangkan minum ais dan memperbanyakkan meminum madu serta mengamalkan pemakanan sunnah," katanya.

¹ Khalid bin Isa, Metodologi Tarannum Al Quran menurut bacaan Mustafa Ismail (M.1978) dan pengaruhnya di Malaysia. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur (2019)

Disamping itu, beliau telah menceburi bidang tarannum sejak tahun 2013 disaat beliau masih diusia muda. Bacaan beliau pada tahun 2013 dalam Majlis Tilawah al-Quran (MTQ) Peringkat Kebangsaan Kali Ke-55 di Balai Islam Lundang, Kota Bharu, Kelantan telah dinobatkan sebagai johan qari kebangsaan pada tahun tersebut. Beliau telah membaca surah al-Anfal bermula ayat 45 hingga 52. Bekas johan qari kebangsaan 2013 itu muncul johan qari bagi program tilawah al-Quran peringkat negeri bagi 2009, 2010, 2011, 2013, 2016, 2017. Dr Anuar yang baru menamatkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Taranum al-Quran di Universiti Malaya (UM) baru-baru ini berkata, dia menyertai pertandingan dalam negara, turut menjadi qari jemputan dan bertanding dalam beberapa pertandingan di luar negara antaranya di Iran, Afrika Selatan, Thailand dan Indonesia bagi menimba pengalaman.²

Kajian Lepas

Tokoh Tarannum

Terdapat artikel yang membuat kajian terhadap tokoh-tokoh qari Mesir melalui bacaan tarannum. Ramai tokoh-tokoh terkemuka disenaraikan di dalam artikel tersebut seperti Sheikh Mustafa Isma'il, Sheikh Mahmud Khalil al-Husri, Sheikh Muhammad Rif'at, Sheikh Muhammad Shahat Anwar dan ramai lagi (Wan Hilmi Wan Abdullah et.al., 2018). Selain itu, ramai juga tokoh tarannum muncul dan dikenali selepas menyertai program-program dan majlis-majlis tarannum. (Anuar, Norazman, & Zainora, 2020) penganjuran Majlis Tilawah Al-Quran telah berjaya melahirkan tokoh-tokoh qari dan qariah yang kemudiannya menyebarkan dan mengajarkan ilmu ini di dalam masyarakat seperti Haji Ahmad bin Awang Teh (Terengganu), Hajjah Faridah binti Mat Saman (Kelantan), Hajjah Rogayah binti Sulong (Terengganu) dan ramai lagi.

Ciri-Ciri Tarannum

Menurut Muhammad Lukman, Anuar, Zainora, & Mohd Azhar (2021) metodologi tarannum ialah kaedah-kaedah yang perlu dikuasai oleh seorang qari untuk mempersempahkan sesuatu tarannum. Dalam erti kata yang lain, tarannum Al-Quran mempunyai ciri-ciri yang tersendiri yang boleh dikenali dengan istilah-istilahnya yang tertentu seperti harakat, tabaqah, mahattah, qit'ah, burdah dan banyak lagi ciri-cirinya. Kesimpulannya, perbezaan gaya persembahan dan corak penyampaian tilawah kerana kemampuan dan pengetahuan qari masing-masing terutama dalam aspek teknik suara dan tabaqah suara (Wan Hilmi Wan Abdullah et.al., 2018).

Pendidikan Tarannum

Anuar (2018) Kelas pengajian tarannum adalah merupakan salah satu medium yang telah banyak menyumbang terhadap perkembangan seni tarannum di Malaysia. Menurut Safie, Haji Mohd Yusoff, Ahmad, & Ishak (2018) Kelas khas ini ditubuhkan pada tahun 1985 oleh Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia bertujuan untuk melatih pelajar yang berbakat dalam tarannum al-Quran dengan digilap oleh tenaga pengajar dalam bidang tersebut supaya dapat menjadi pelapis yang berwibawa. Pendidikan tarannum bukan sahaja boleh dipelajari melalui kelas secara fizikal, akan tetapi ia juga boleh dipelajari melalui media sosial seperti *Facebook*, *Youtube* dan lain-lain. Didalam artikel yang ditulis oleh Nur Madiha binti Abdullah dan Dr Muhammad Hafiz Saleh, mereka menyenaraikan beberapa kelas al-Quran yang dilaksanakan menerusi Facebook dengan pendekatan yang pelbagai. Sebagai

² Khalid bin Isa, Metodologi Tarannum Al Quran menurut bacaan Mustafa ismail (M.1978) dan pengaruhnya di Malaysia. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur (2019)

contoh, “Mengaji Best”, “Azdan Quranic Centre”, “Page Ustaz Fahmi Empire” dan banyak lagi.

Penggunaan teknologi dalam membantu proses pengajaran dan pembelajaran memberikan impak dan kesan yang positif kepada sesiapa yang mengambil manfaat daripadanya. Bukan itu sahaja, program berkaitan tarannum di media massa juga telah diwujudkan. (Anuar, Norazman, & Zainora, 2020) Masyarakat dilihat semakin minat dengan seni tarannum. Menerusi permintaan tersebut, maka lahirlah usaha-usaha di kalangan penggiat media massa untuk menerbitkan rancangan-rancangan baharu yang berkaitan dengan seni tarannum. Dengan itu lahirlah rancangan Akademi Al-Quran TV9 (2006), Tilawah Interaktif, Qari Junior (2012), Kalam Suci (2009), dan lain-lain.

Definisi Dan Pengertian

Ilmu tarannum merupakan satu cabang ilmu dalam memperelok dan mencantikkan bacaan ayat suci al-Quran. Ilmu tarannum telah wujud sejak penurunan wahyu lagi dan tidak asing dalam masyarakat Malaysia. Perkara ini telah dibuktikan dengan lahirnya tokoh-tokoh ilmu tarannum seperti Dato' Haji Ismail bin Hashim, Dato' Hajjah Faridah binti Mat Saman dan Dr. Anuar bin Hasin yang telah berjaya membawa nama negara dan membuka mata rakyat Malaysia bahawasanya bidang pembacaan al-Quran ini sangat penting dan perlu dipelajari. Secara tidak langsung ianya dapat membawa manfaat yang besar kepada Islam. Oleh itu, tajuk yang akan dibahaskan dalam kajian ini adalah ‘Sumbangan Dr Anuar bin Hasin dalam Perkembangan Tarannum di Malaysia’.

Penulis telah mengenalpasti beberapa perkataan yang berkaitan dengan tajuk kajian dan memberikan definisi bagi perkataan-perkataan tersebut. Menurut (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017), ‘Sumbangan’ membawa maksud sesuatu yang diberikan sebagai sokongan dan bantuan kepada keramaian dan lain-lain. ‘Perkembangan’ bererti perihal (proses dsb) berkembang (menjadi maju atau tersebar, membiak, meluas, dsb), pertumbuhan, dan kemajuan.

(Alias Sidek, 2010) mendapati istilah ‘Tarannum’ berasal dari perkataan Arab iaitu tarannama, yatarannamu tarannum yang bererti berdendang atau menyanyi. Dr. Ruuhi al-Balbaki pula menyatakan ‘Tarannum’ merangkumi intonasi, nyanyian dan bacaan yang baik. Dalam hal ini, dapat disimpulkan bahawasanya ‘Tarannum’ adalah suatu ilmu atau kaedah suara yang dipelbagaikan megikut proses nada (tingkatan atau tekanan bunyi suara), rentak (pergerakan yang menghidupkan bunyi suara) dan irama (alunan atau bentuk bunyi) tertentu.

Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan secara kualitatif bagi mengumpulkan data-data penting berkenaan latar belakang Dr. Anuar Hasin, manhaj dalam bacaannya dan sumbangannya dalam perkembangan Tarannum di Malaysia. Dalam mengumpulkan data, penulis mengaplikasikan kaedah kajian keperpustakaan (library research) dan kaedah temu bual dan pemerhatian.

Kaedah kajian keperpustakaan dijalankan dengan menganalisis dokumen-dokumen berkaitan bahan rujukan daripada sumber sekunder seperti buku dan penulisan artikel yang dapat memberikan kesimpulan terhadap kajian.

Kaedah temu bual dan pemerhatian dijalankan ke atas tokoh yang dikaji iaitu Dr. Anuar bin Hasin bagi memastikan data-data yang dikumpul lebih sahih dan tepat tanpa ditokok tambah

oleh sumber lain yang tidak sepatutnya. Pemerhatian juga dilakukan ke atas kejayaan dan penglibatan Dr. Anuar Hasin dalam perkembangan tarannum di Malaysia.

Manhaj Dr Anuar Hasin

Meskipun banyak syaikh yang Dr. Anuar bin Hasin minati sepanjang penglibatannya dalam dunia Tarannum, namun antara mereka yang paling beliau kagumi dalam bacaan al-Quran ialah Syaikh Mustafa Ismail dan Syaikh Dr. Ahmad Nu'ayna. Bahkan beliau banyak mengaplikasikan pengajarannya sama ada di universiti atau tempat-tempat tertentu mengikut metod bacaan kedua-dua syaikh ini.

Pengenalan Syaikh Mustafa Ismail

Syaikh Mustafa Ismail merupakan seorang qari yang telah memberikan sumbangan yang besar dalam dunia tilawah al-Quran. Sumbangan beliau bukan sahaja di Mesir bahkan di seluruh pelosok dunia. Ketokohan beliau dalam bidang taramnum telah membuatkan qari-qari lain menjadikannya sebagai role model dalam menyampaikan ayat suci al-Quran kepada umat Islam di dunia.

Nama penuh beliau ialah Mustafa Muhammad al-Mursi Ibrahim Ismail. Beliau dilahirkan pada 17 Jun 1905 Masihi di sebuah perkampungan pertanian yang Bernama “Mit Ghazal” Markaz al-Santah di Wilayah Barat, Tanta, Mesir. Kawasan perkampungan beliau terkenal sehingga sekarang sebagai tempat *kuttab-kuttab huffaz* al-Quran, belajar membaca, ilmu tajwid, ilmu *qira'at* dan *talaqqi* kitab-kitab. *Kuttab-kuttab* ini telah mengeluarkan lebih kurang 100 orang pelajar untuk menyambung pelajaran ke peringkat *ibtidai* di Universiti al-Azhar setiap tahun.³

Syaikh Mustafa Ismail mula melibatkan diri sebagai seorang qari seawal tahun 1920-an ketika beliau berumur 16 tahun lagi. Beliau mula menjadi sebutan di kalangan masyarakat Mesir apabila beliau membaca al-Quran di majlis *ma'tam*, *haflah-haflah*⁴, masjid-masjid dan sebagainya. Sekitar tahun 1930-an, Syaikh Mustafa Ismail dijemput ke majlis *ma'tam* salah seorang peminatnya, dan di majlis tersebut Syaikh Muhammad Salamah akan memperdengarkan bacaannya bermula jam 8 malam hingga ke pertengahan malam.

Apabila selesai bacaannya, secara bersahaja Syaikh Mustafa Ismail memulakan bacaannya dek kerana ramai sudah meninggalkan majlis akan tetapi apabila mereka mendengar bacaan Syaikh Mustafa Ismail, ada yang kembali ke tempat duduk dan semakin ramai memenuhi tempat duduk kerana takjub dengan alunan dan keunikian suara beliau⁵. Bahkan Syaikh Darwish al-Hariri turut teruja dengan kehebatan uslub-uslub qiraah Syaikh Mustafa Ismail sehingga beliau bertanya: “Siapakah yang mengajar kamu semua *maqam-maqam tarannum* ini?” Lalu Syaikh Mustafa Ismail menjawab: “Sesungguhnya aku mendengar semua *maqam* dengan kedua telingaku dan aku pelajari sepanjang hidupku, kemudian aku mengolah dengan caraku dalam bacaanku.” Lalu Syaikh Darwish al-Hariri berkata: “Sesungguhnya fitrah kesucian kamu lebih kuat dan hebat, ini merupakan anugerah daripada Allah kepada kamu.”⁶

³ Kamal al-Najmi, al-Syaikh Mustafa Ismail Hayatuh fi Zill al-Quran (Kaherah: Dar Hilal, 1992), 52

⁴ Majlis-majlis keraian seperti sambutan hari kebesaran Islam

⁵ Khairul Anuar Ahmad, Legenda Tarannum al-Quran Mesir, laman sesawang Utusan Online, dicapai 21/09/2011,

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0921&sec=Bicara_Agama&pg=ba_02.htm#ixzz3CQBhtV7B

⁶ Shukri al-Qadi, Abaqirah al-Tilawah, 76.

Pada tahun 1940-an, Syaikh Mustafa Ismail berhijrah ke Kaherah dan ternyata Syaikh Muhammad Sayfi turut kagum dengan bacaan beliau dan diterima untuk menyertai persatuan ahli *qurra'* dan beliau dipilih untuk memperdengarkan bacaan al-Quran di majlis *ihtifal* mengingati kelahiran Nabi Muhammad SAW⁷. Ketika majlis tersebut, bacaannya telah disiarkan secara langsung buat pertama kalinya melalui radio Mesir⁸. Melalui siaran inilah, tersebarnya suara Syaikh Mustafa Ismail di seluruh pelosok Mesir dan dikatakan bermulanya zaman kegemilangan beliau dan beliau menjadi masyhur.

Kriteria Bacaan Tarannum Syaikh Mustafa Ismail

Bacaan tarannum Syaikh Mustafa Ismail ialah bacaan secara *Tartil*, di mana bacaan beliau mempunyai unsur-unsur perlahan, tadabbur dan tafakkur. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT:

وَرَأَيْتَ الْقُرْآنَ تَرْتِيلًا (4)

Terjemahan: Dan bacalah al-Quran secara tartil.

(Al-Muzzammil 73:4)

Syaikh Mustafa Ismail merupakan seorang qari yang menitikberatkan kesesuaian alunan lagu dan *tabaqat* suara yang dipersembahkan dalam memahami maksud ayat suci al-Quran. Menurut (Zakariya Hamimi, 2009), Syaikh Mustafa Ismail mempunyai bacaan yang unik iaitu menggabungkan lafadz bacaan, makna dan kekuatan dalam menggambarkan maksud ayat tersebut. Kamal al-Najmi turut mengakui bahawa Syaikh Mustafa Ismail sebagai qari yang hebat dan berkemampuan dalam memindahkan *maqam* lagu asli kepada *furu'*, *usul qiraat* dan sekaligus memahami makna ayat al-Quran.⁹

Selain itu, bacaan beliau juga *berlahjah arabiyyah* dek kerana beliau berketurunan Arab, berada dalam budaya Arab dan menuntut ilmu dengan guru-guru hebat yang berbangsa Arab. Menurut Ustaz Hj. Muhammad Anuar Ghazali, Syaikh Mustafa Ismail merupakan qari yang bacaannya sangat *berlahjah arabiyyah* dari aspek hukum tajwid, suara, tarannum dan *fasahah*. Hal ini dapat dilihat apabila beliau sangat memberi penekanan dari segi sebutan huruf-huruf al-Quran, aspek suara iaitu gaya bunyi suara yang berbudaya kearaban. Manakala dari aspek tarannum, Syaikh Mustafa Ismail hebat dalam menyusun lagu *usul* dan lagu *furu'* dalam bacaannya dan dari segi *fasahahnya* pula, beliau lebih mengutamakan kefasihan dalam megolah lagu-lagu dan penggunaan suara.¹⁰

Menurut Dr. Anuar Hasin, *Uslub Qiraah* Syaikh Mustafa Ismail mempunyai satu kaedah sistematik yang padanya wujud perbezaan *Uslub* dengan bacaan qari-qari lain. Syaikh Mustafa Ismail memulakan bacaannya dengan *tabaqat* suara yang rendah iaitu *Qarar* kemudian naik kembali ke *tabaqat* paling atas iaitu *Jawabul Jawab* dan mengakhiri bacaannya dengan *Qarar* semula. Syaikh Mustafa Ismail tidak pernah bertarannum dalam keadaan bacaannya bercampur

⁷ Shukri al-Qadi, Abaqirah al-Tilawah, 77.

⁸ Dr. Mahmud Hamdy Zaqquf, Salsilah al-Mawsu'at al-Islamiyyah al-Mutakhassasah (3), 1065.

⁹ Kamal al-Najmi, al-Syaikh Mustafa Ismail Hayatuh fi Zill al-Quran (Kaherah: Dar Hilal, 1992), 44

¹⁰ Khalid bin Isa, Metodologi Trannum al-Quran menurut bacaan Mustafa Ismail dan Pengaruhnya di Malaysia (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2019), 183

aduk sebaliknya beliau teliti dan tertib dalam menyampaikan burdah-burdah suara yang amat halus.¹¹

Ustaz Wan Hilmi Wan Abdullah telah menyenaraikan di dalam bukunya “*Fannu Tilawah al-Quran*” mengenai *Uslub Qiraah* Syaikh Mustafa Ismail, antaranya:¹²

1. Beliau memulakan bacaan dengan suara yang rendah, kemudian menaikkan sedikit suaranya ke tahap pertama iaitu *Qarar*. Kemudian menaikkan lagi suaranya ke tahap kedua iaitu *Nawa* kemudian sampai tahap ketiga iaitu *Jawab* dan turun semula ke tahap *Qarar*. Kemudian ia naik semula satu persatu tahap sehingga mencapai tahap yang tertinggi iaitu *Jawabul Jawab* dan akhirnya turun semula ke *Qarar*.
2. Beliau berpindah dari satu lagu usul kepada lagu cabang dengan penuh keyakinan tanpa teragak-agak di samping selari dengan kaedah-kaedah *qira'at* dan makna ayat yang dibaca.
3. Beliau mampu menyesuaikan bacaan dengan huku-hukum, tafsir, ilmu *qira'at* dan irama lagu.
4. Beliau mempunyai pelbagai *tabaqat* yang bersesuaian dengan kehendak al-Quran yang maksudnya sampai kepada pendengar.

Beliau juga menyusun lagu mengikut *maqam-maqam* lagu itu sendiri dengan memulakan dengan maqam asas seperti *bayyati*, *hijaz*, *nahawan*, *rast*, *sikah* dan *jiharkah*. Penyusunan lagu di sini membawa maksud tiga aspek utama iaitu:

1. Tidak mencampur adukkan tarannum dengan tarannum lain.
2. Ketepatan irama pemindahan tarannum usul.
3. Penyesuaian dalam *tabaqat* suara.

Dalam bacaannya juga, Syaikh Mustafa Ismail pasti akan memulakan bacaannya dengan tarannum *bayyati* dan menutup bacaannya dengan tarannum yang sama juga iaitu *bayyati*. Hal ini menunjukkan bahawa beliau sangat teliti dalam menyelaraskan bacaan untuk menjadikan persembahan bacaannya lebih menarik dan sedap didengari oleh pendengar. Di samping itu, beliau juga berkemampuan dalam menyesuaikan makna ayat dengan lagu seperti menggunakan lagu *saba* untuk ayat sedih atau azab, lagu *sikah* dan *rast* untuk ayat-ayat yang berbentuk khabar gembira dan seumpamanya. Menurut (Hj. Abdul Rahim Ahmad, 2010), bacaan tarannum Syaikh Mustafa Ismail mempunyai sifat-sifat tertentu dalam menyesuaikan ayat, seperti:

1. Tarannum *Bayyati* - bersifat bebas dan neutral sesuai untuk ayat cerita, hukum dan lain-lain.
2. Tarannum *Saba* - bersifat sedih dan sesuai pada ayat azab, syurga dan neraka.
3. Tarannum *Hijaz* - bersifat kebimbangan dan dukacita dan sesuai untuk ayat perjuangan dan pengorbanan.
4. Tarannum *Rast* - bersifat gembira, semangat dan cergas sesuai untuk ayat-ayat berkaitan dengan doa.
5. Tarannum *Sikah* - bersifat mengharao dan berkehendak yang sesuai untuk ayat berkaitan hukum.
6. Tarannum *Nahawand* - bersifat kasih saying dan kelembutan sesuai untuk ayat kisah para nabi.

¹¹ Dr Anuar bin Hasin (Qari Perak, Hakim Tarannum Peringkat Negeri dan Kebangsaan), dalam temubual dengan penulis pada 19 Disember 2022.

¹² Wan Hilmi Wan Abdullah, *Fannu al-Tilawah* (Bangi: Jabatan Agama Pengajian al-Quran dan al-Sunnah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia), 80.

7. Tarannum *Jiharkah* - bersifat reda, pasrah, gembira dan kemenangan yang sesuai untuk ayat doa, pedoman dan kejayaan.

Jelaslah bahawa metod bacaan Syaikh Mustafa Ismail yang tersusun dan tertib telah menjadi satu sumber rujukan sepanjang zaman oleh qari-qari di seluruh dunia termasuklah Dr. Anuar Hasin. Bahkan Dr. Anuar Hasin ada mengatakan bahawasanya bacaan dan kesenian suara Syaikh Mustafa Ismail ini sangat hidup dan menarik perhatian pendengar untuk mendengarnya sehingga beliau menjadikan Syaikh Mustafa Ismail sebagai syaikh yang paling dikaguminya dalam bidang Tarannum ini.

Perbincangan

Sepanjang penglibatan beliau dalam bidang tarannum ini, Dr Anuar Hasin banyak mencerahkan tenaga dan masa dalam memperkenalkan seni tarannum ke seluruh Malaysia. Khidmat dan bakti beliau amat besar dan patut diiktiraf dan dijadikan inspirasi bagi anak muda yang ingin berjinak-jinak dalam bidang tarannum ini. Sumbangan Dr Anuar Hasin dalam seni tarannum di Malaysia dapat dilihat melalui 2 aspek iaitu pengajian tarannum dan penglibatan beliau sebagai penceramah, qari.

Secara umumnya, banyak kelas-kelas pengajian tarannum yang diwujudkan di Malaysia bagi meningkatkan dan mengembangkan bakat dan pengetahuan orang ramai. Kerana itulah, kelas pengajian tarannum merupakan salah satu medium yang banyak menyumbang kepada perkembangan seni tarannum di Malaysia. Seperti yang sudah diketahui, pengajian ini terbahagi kepada 2 bahagian iaitu secara rasmi dan tidak rasmi. Pengajian rasmi merupakan pengajian formal yang berteraskan dan berpandukan kepada silibus yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Manakala, pengajian tidak rasmi pula adalah pengajian secara tidak formal yang tidak terikat dengan sistem Pendidikan di Malaysia. Kebiasaanya, pengajian ini dilakukan di masjid, surau atau rumah guru itu sendiri.

Seperti yang sedia maklum, Dr Anuar Hasin adalah seorang pensyarah di Fakulti Pengajian Quran Sunnah di USIM, maka sudah terang lagi bersuluh beliau menyampaikan ilmu tarannumnya melalui pengajiannya didalam kelas yang berpandukan silibus yang ditetapkan. Selain daripada itu, Dr Anuar Hasin juga seorang yang aktif dalam menyertai dan mengambil bahagian dalam pengajaran secara tidak rasmi. Beliau sering membuat kandungan tiktok dan youtube yang berunsurkan tahsin quran dan kaedah-kaedah bacaan tarannum. Melalui pendekatan seperti ini, ia dapat memudahkan orang ramai untuk melihat dan mempelajari ilmu tarannum tanpa perlu hadir ke kelas secara fizikal. Selain itu, ia dapat menarik minat pengguna di media sosial dengan kelunakan suara beliau yang dapat menggetarkan jiwa orang yang mendengarnya. Tambahan pula, kini media sosial merupakan antara alternatif utama dalam menyampaikan ilmu.

Selain daripada itu, Dr Anuar Hasin juga merupakan penceramah ataupun guru latih kepada qari dan qariah di peringkat negeri yang mewakili kebangsaan. Antara peserta yang pernah dilatih oleh beliau adalah dari Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Perak, Melaka dan beberapa buah negeri lagi. Antara murid yang pernah mempelajari tarannum daripada beliau adalah Ustaz Husaini Mahmud, Ustaz Aiman Ridhwan, Ustaz Omar Syazli dari Pulau Pinang, Ustaz Zakiuddin dari Johor, Farhatul Fairuzah, Puteri Kalimatul Azzua, Ammar Mukhlis, Muhammad Saleem Bin Noor Muhammad dan ramai lagi. Selain itu, beliau juga dijemput sebagai pentahsin al-quran seperti di Tabung Haji, Tenaga Nasional Berhad, Petronas dan banyak lagi.

Selain menyumbang ilmu pengetahuan melalui kelas-kelas di universiti dan platform di media sosial, Dr Anuar Hasin juga sering dijemput sebagai qari jemputan dari pelbagai rancangan televisyen. Rancangan pertama yang dihadiri oleh beliau adalah rancangan Akademi Quran Tv9 pada tahun 2006, kemudian rancangan tadarus di Tv1, rancangan Qari Junior di Tv3. Dr Anuar Hasin juga turut serta dalam rancangan Konvokesyen Khatam Tadabbur My #QuranTime 1.0 melalui platform TV AlHijrah. Beliau mengambil tempat sebagai qari yang akan menjayakan majlis khatam tersebut. Menurut berita harian metro, Dr Anuar Hasin merupakan salah satu qari kebangsaan yang dijemput bagi menjayakan rancangan Gema Haflah Munajat yang disiarkan di TV AlHijrah. Program ini merupakan satu usaha dan boleh menjadi daya tarikan kepada penonton-penonton television bagi memupuk minat mereka untuk menyertai dan mempelajari seni tarannum kerana barisan qari kebangsaan akan mengalunkan bacaan doa yang dipetik daripada surah al-Quran dengan penuh kelunukan dan tertib sehingga mampu mendamaikan hati para penonton. Seterusnya, antara siaran radio yang pernah menjemput beliau sebagai qari adalah dari radio Ikim dan RTM.

Sumbangan Dr Anuar Hasin dalam bidang tarannum al-Quran merangkumi peranan yang dimainkan oleh beliau sebagai seorang hakim tilawah al-quran peringkat negeri dan kebangsaan. Bukan itu sahaja, beliau juga dijemput sebagai tilawah al-quran peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia, peringkat universiti dan di peringkat antarabangsa di Malaysia.

Lebih membanggakan, beliau juga telah mengharumkan nama Malaysia dengan memenuhi jemputan-jemputan yang diterimanya dari luar negara iaitu Bangladesh, Afrika Selatan, Jerman, Thailand dan juga Indonesia. Menurut Berita Mediabase bahkan Singapura juga menjemput Dr Anuar Hasin sebagai qari bagi membacakan ayat-ayat Al-Quran di acara Nuzul Quran yang terletak di Pusat Islam Jamiyah yang terletak di Lorong 12 Geylang .

Kesimpulan

Melalui kajian ini, jelas sekali bahawa Dr Anuar bin Hasin merupakan seorang tokoh besar di kalangan qari dan qariah di dalam negara. Banyak sumbangan beliau yang patut kita hargai dan ambil iktibar dalam usaha beliau memperkembangkan dan memperkenalkan ilmu ini ke serata dunia. Dengan usaha dan penat lelah beliau, ia dapat membantu melahirkan qari dan qariah yang berkualiti dan cemerlang dengan adanya banyak pendedahan dari beliau dari segi kaedah pembacaan, tajwid dan sebagainya. Pembaca boleh mengambil manfaat daripada kajian ini dengan memperhatikan permulaan dan langkah beliau dalam menjerumuskan diri dalam bidang tarannum yang luas ini sehingga mampu menempa nama di peringkat dunia dan menyumbangkan pelbagai perkara yang mampu memberi faedah kepada ramai orang. Penggunaan media sosial dan media massa dalam menyampaikan ilmu dan maklumat juga memainkan peranan penting dalam menjadi salah satu medium utama dan memberi keuntungan kepada orang ramai. Justeru itu, dalam mendalami dan memahami bidang tarannum ini ia tidak terhad kepada pembelajaran secara bersemuka sahaja tetapi banyak lagi medium lain yang boleh kita gunakan. Akhir kata, penulis berharap kajian ini dapat memberi manfaat kepada generasi akan datang dan juga memberi inspirasi kepada generasi muda dengan menelusuri perjalanan beliau sehingga ketahap ini.

References

- Abdullah, W. H., & Daud, M. (2018). Ketokohan Sheikh Mustafa Ismail dan Sumbangannya dalam Dunia Tilawah Al-Quran Secara Bertarannum: Kajian terhadap Uslub Al-Qiraah. *AL-BASIRAH*.
- Acara Nuzul Quran anjuran Jamiyah kembali secara hibrid buat pertama kali selepas 2 tahun. (2022, april 17). Retrieved from Berita Mediabase: <https://berita.mediabase.sg/singapura/acara-nuzul-quran-anjuran-jamiyah-kembali-sekali-hibrid-buat-pertama-kali-selepas-2-tahun-653396>
- Alias Sidek. (2010). Pengertian Tarannum al-Quran. *Ensiklopedia Muslim*.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Retrieved from <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=sumbangan>
- Hasin, A., Alias, N., & Daud, Z. (2020). *SIGNIFIKAN PENGANJURAN MAJLIS TILAWAH AL-QURAN DI MALAYSIA*.
- Hasin, D. A. (2018). *KETOKOHAN DAN SUMBANGAN USTAZ CHE YAHAYA BIN DAUD DALAM BIDANG TARANNUM AL-QURAN DI MALAYSIA*. Journal of Fatwa Management and Research.
- Hasin, D. A. (2018). KETOKOHAN DAN SUMBANGAN USTAZ CHE YAHAYA BIN DAUD DALAM BIDANG TARANNUM AL-QURAN DI MALAYSIA. *Journal of Fatwa Management and Research*.
- Hj. Abdul Rahim Ahmad. (2010). *Kursus Tarannum al-Quran*. Bangi: Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Husain, N. H. (2022, Disember 17). *Konvokesyen Khatam Tadabbur My #QuranTime 1.0 berlangsung hari ini*. Retrieved from Sinar Harian: <https://www.sinarharian.com.my/article/224950/khas/wacanaquran/konvokesyen-khatam-tadabbur-my-qurantime-10-berlangsung-hari-ini>
- Ibrahim, M. L., Hasin, A. b., Daud, Z., & Abdullah, M. (2021). *VARIASI METODOLOGI ILMU TARANNUM : SUATU PERBINCANGAN KRITIS*. Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah.
- Safie, S., Haji Mohd Yusoff, Z., Ahmad, K., & Ishak, H. (2018). *Pengajian Tarannum Sebelum Dan Semasa Era*. Jurnal al-Turath.
- Tahir, S. M. (2021, Januari 28). *Harian Metro*. Retrieved from Malam dihiasi tadabbur al-quran: <https://www.hmetro.com.my/rap/2021/01/668749/malam-dihiasi-tadabbur-al-quran>
- Wan Abdullah, W., Ishak, H., Mohamad, S., & Sakat, A. (2018). *Aliran Madrasah Tilawah: Kajian Terhadap Tokoh-Tokoh Qari Mesir Melalui Bacaan Tarannum*. International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences.
- Yunus, M. S. (2013, JUNE 26). Kisah di sebalik kejayaan Johan Qari Kebangsaan 2013. PARIT BUNTAR, PERAK, MALAYSIA.
- Zakariya Hamimi. (2009). *Sawt Min Al-Sama' al-Syaikh Abd Basit Abd al-Samad*. Kaherah: Hibah al-Nil al-Arabiyyah.

TEMUBUAL

Dr Anuar bin Hasin, Qari Perak, Hakim Tarannum Peringkat Negeri dan Kebangsaan, Universiti Sains Islam Malaysia, 19 Disember 2022.